

**TEKS UCAPAN**  
**YB DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH**  
**TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**MAJLIS PENUTUPAN PAMERAN INOVASI & TEKNOLOGI (InTEX)**  
**UNIMAS 2016**

**24 MEI 2016 (SELASA) | DETAR PUTRA | 2 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikumwarahmatullahiwabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada Saudara/ Saudari Pengacara Majlis.

**YBHG. PROF. DATO' DR. MOHAMAD KADIM SUAIDI**  
Naib Canselor UNIMAS

**YBHG. PROF. MOHD FADZIL ABDUL RAHMAN**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

**YBHG. PROF. DR. KOPLI BUJANG**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**YBHG. PROF. DR. WAN HASHIM WAN IBRAHIM**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**YBRS. PROF. DR. LO MAY CHIUN**  
Pengarah, UNIMAS Innovation

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Timbalan-Timbalan Dekan, Timbalan-Timbalan Pengarah Fakulti, Pusat dan Institut; dan

Para tetamu jemputan, panel hakim dari IPTA/ IPTS/ industri, pempamer ekspo, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat berhimpun bersama-sama dalam Majlis Penutupan Pameran Inovasi & Teknologi (InTEX) UNIMAS 2016 Kali Ke-9 ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), khususnya kepada Naib Canselor yang telah menjadi pengajur Pameran Inovasi & Teknologi (InTEX2016) pada kali ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada UNIMAS Innovation serta semua yang telah terlibat dalam penganjuran InTEX pada kali ini.
2. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) amat menyambut baik inisiatif UNIMAS dalam usaha untuk memartabatkan lagi bidang sains dan teknologi di Malaysia. Saya percaya InTEX 2016 yang telah berlangsung selama 2 hari bermula pada semalam adalah merupakan satu platform terbaik kepada para penyelidik untuk mempromosikan hasil-hasil penemuan penyelidikan dan inovasi masing-masing selain telah mewujudkan peluang-peluang kolaborasi perindustrian, pelaburan dan pengkomersilan. Saya amat berkeyakinan bahawa InTEX2016 akan menyuburkan kelestarian budaya penyelidikan dan juga akan memartabatkan transformasi teknologi terkini yang akan memberi impak dan nilai tambah kepada kemaslahatan komuniti sejagat.
3. Ini adalah bertepatan dengan tema Ekspo Inovasi & Teknologi UNIMAS (InTEX) iaitu "**Strengthening Research and Innovation for Communities' Sustainability**". Tema ini amat bertepatan kerana ianya menterjemahkan komitmen UNIMAS untuk menyalurkan ilmu dan kepakaran kepada komuniti dan masyarakat umum demi menyokong dan mendukung aspirasi serta keperluan komuniti tempatan melalui eksploitasi sepenuhnya kekayaan sumber semulajadi sedia ada yang boleh dijadikan sebagai bahan dan sumber penyelidikan baharu yang boleh diterokai.
4. Program seumpama ini perlu terus dipergiat dan ditonjolkan kepada pengetahuan masyarakat umum dan setempat, agar mereka akan dapat turut serta untuk bersama-sama menyemarakkan dan menyuburkan lagi budaya penciptaan, inovasi dan kreativiti di kalangan komuniti tempatan

khususnya generasi muda. Ini selari dengan salah satu cabaran dalam Wawasan 2020 yang menjurus kepada **pengupayaan dan memajukan sains dan teknologi** dalam merealisasikan hasrat pihak Kerajaan untuk menjadikan **Malaysia sebagai sebuah masyarakat yang berasaskan sains dan teknologi yang progresif, kreatif, inovatif serta berpandangan jauh**. Selain itu, saya percaya inisiatif ini juga akan melahirkan sebuah masyarakat yang bukan sahaja akan dapat memanfaatkan teknologi terkini tetapi juga sebagai **penyumbang kepada kemajuan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan**.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

5. Kita perlu sama-sama **mewujudkan sinergi peranan masing-masing** melalui sumbangan serta penggembangan tenaga dan sumber yang ada dalam menjayakan agenda sains dan teknologi secara kolektif. Kesungguhan ini tidak perlu hanya menjurus dalam ruang lingkup kemudahan prasarana, peralatan, makmal, dana mahu pun tenaga-tenaga sokongan kepada para penyelidik, ia juga **memerlukan kesiapsiagaan minda** agar ianya bergerak secara selari dengan perkembangan teknologi semasa. Seperti kita semua sedia maklum, perubahan-perubahan yang berlaku dalam bidang sains dan teknologi di sekeliling kita berlaku dengan amat pantas dan kita perlu melengkapkan diri kita dengan ilmu pengetahuan terkini serta meningkatkan keupayaan ilmu serta kecekapan teknologi agar terus berkeupayaan untuk melakukan penyesuaian, pembaharuan dan pelaburan ke arah penggunaan teknologi yang canggih dan terkini.

6. Pada kesempatan ini, saya ingin menzahirkan rasa bangga di atas iltizam dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan meluangkan masa untuk turut serta hadir dan memeriahkan majlis ke Ekspo Inovasi & Teknologi (InTEX) UNIMAS 2016 ini. Saya juga difahamkan bahawa pihak penganjur ekspos kali ini telah berjaya mengumpul sebanyak 241 pempamer melalui penyertaan seramai 229 orang penyelidik UNIMAS dan 12 orang penyelidik dari IPTA dan IPTS lain yang merangkumi 5 kluster utama penyelidikan di UNIMAS. Pengiktirafan yang bakal diberikan kepada para pemenang dan juga melalui penyertaan ini

diharapkan akan menjadi pemangkin kepada semua untuk terus menjalankan penyelidikan dan sentiasa berinovasi. Saya amat berharap agar penemuan kajian serta inovasi baru yang telah dipamerkan tidak hanya terhenti dalam ruang lingkup dewan ini sahaja namun akan terus diangkat ke persada yang lebih jauh, baik di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

7. Ini merupakan satu cabaran besar yang perlu diberi perhatian sewajarnya kerana teknologi yang dihasilkan perlulah seiring dengan kemantapan dan kecekapan tenaga pakar yang terlibat secara langsung agar kelestariannya akan dapat dikekalkan. Saya percaya program InTEX ini adalah merupakan satu kejayaan dalam mengetengahkan transformasi penyelidikan terkini yang berlandaskan kepada budaya berinovasi dan berkreativiti. Penyertaan tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini adalah merupakan satu bentuk motivasi dan sokongan kepada para saintis dan tenaga pakar yang hadir pada hari ini bahawa komitmen mereka telah berjaya diperlihatkan melalui produk-produk inovasi dan input baharu yang telah dipamerkan di sekeliling ruang Dewan Bankuet, DeTAR PUTRA UNIMAS yang gah ini.

8. Teruskanlah budaya bekerjasama, berganding tenaga dan berkongsi idea bagi memastikan segala program berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi yang telah dirancang akan dapat dilaksanakan untuk menghasilkan kejayaan dan perubahan sebagaimana yang telah disasarkan. Usaha murni seumpama ini perlu dikekalkan pada masa-masa yang akan datang agar wadah ini bukan hanya berupaya menjana inovasi dan kreativiti malahan turut memberi nilai tambah kepada kecemerlangan dan kemajuan pembangunan kepada komuniti tempatan dan masyarakat secara keseluruhannya.

9. Akhir kata, dengan lafaz "Bismillahirrahmanirrahim", saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan Ekspo Inovasi & Teknologi (InTEX) UNIMAS Kali Ke-9 ini.

Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.